



PERBADANAN PRODUKTIVITI MALAYSIA

TERMA RUJUKAN

**PERKHIDMATAN SEBAGAI TENAGA PENGAJAR DAN PENYEMAK LAPORAN
INISIATIF PENINGKATAN DAYA SAING NEGARA**

1.0 RINGKASAN PROJEK

Kerajaan sentiasa berusaha untuk mengekalkan persekitaran yang mampan dan berdaya saing bagi memastikan pertumbuhan ekonomi dipacu oleh sektor swasta untuk kesejahteraan rakyat. Pencapaian pertumbuhan produktiviti yang lebih tinggi adalah penting bagi memastikan negara terus berdaya saing, keuntungan dapat dikekalkan dan dinikmati oleh pihak industri dan rakyat. Perlaksanaan Amalan Baik Peraturan adalah salah satu cara yang telah terbukti dapat membantu mencapai matlamat tersebut.

Peraturan yang berkualiti adalah perlu bagi mewujudkan tadbir urus yang baik di dalam persekitaran yang mencabar. Ia juga penting sebagai usaha untuk menggembelng sumber negara bagi mengekalkan daya saing dan pertumbuhan ekonomi yang mampan. Perubahan masa dan keadaan perlu diimbangi dengan peraturan dan proses membuat peraturan yang fleksible. Wujud keperluan bahawa semua peraturan dan proses membuat peraturan adalah seiring dengan keadaan semasa.

Selain itu juga, persekitaran kondusif bagi menggalakkan aliran masuk modal asing dan teknologi, selain mengukuhkan daya saing industri dalam pasaran global, adalah perlu untuk memastikan Malaysia kekal menjadi pilihan pelabur asing. Perkembangan semasa yang kini banyak berpusat pada Revolusi Perindustrian Keempat (Industri 4.0), kecerdasan buatan (AI), inovasi, automasi, Internet of Things (IoT) dan kemajuan teknologi pasti akan memberi kesan terhadap keseluruhan industri.

Dalam hasrat untuk mencapai daya saing ekonomi yang mampan, pelbagai usaha dan inisiatif telah dirangka untuk menarik pelaburan dan memacu produktiviti serta inovasi melalui pembaharuan politik, ekonomi dan peraturan. Diharapkan melalui inisiatif yang dijalankan ini akan dapat membantu pasukan projek untuk meningkatkan prestasi daya saing Malaysia di tahun yang mendatang.

2.0 SKOP TUGASAN

Pembekal yang dilantik dikehendaki melaksanakan projek seperti berikut;

- i. Memberi perkhidmatan sebagai tenaga pengajar pada sesi yang akan dilaksanakan di antara pihak berkepentingan;
- ii. Menyemak laporan

3.0 STRUKTUR & PERINCIAN BAYARAN

Perancangan bayaran keseluruhan adalah sebanyak **RM 8,100 (Ringgit Malaysia: Lapan Ribu dan Satu Ratus Sahaja)** dan akan dibayar setelah projek selesai (rujuk jadual di bawah untuk perincian bayaran)

Bil	Perkhidmatan	Kuantiti Maksimum	Kadar Bayaran	Keseluruhan (RM)
1	Tenaga Pengajar #1 Peningkatan Daya Saing	4jam	300/jam	1,200.00
2	Tenaga Pengajar #2 Peningkatan Daya Saing	4jam	300/jam	1,200.00
3	Tenaga Pengajar #3 Peningkatan Daya Saing	4jam	300/jam	1,200.00
4	Penyemak Laporan Daya Saing #1	10 pages	150/pages	1,500.00
5	Penyemak Laporan Daya Saing #2	10 pages	150/pages	1,500.00
6	Penyemak Laporan Daya Saing #3	10 pages	150/pages	1,500.00
JUMLAH				8,100.00

Nota;

1. Kadar bayaran di bawah adalah kadar mengikut kadar JPPK MPC (termasuk kos-kos lain seperti perjalanan dan pengangkutan sekiranya ada).
2. Bilangan muka surat bagi 1 Laporan dihadkan kepada jumlah seperti jadual diatas
3. Pembayaran akan dibuat berdasarkan kepada aktiviti sebenar dan akan dibuat selepas selesai pelaksanaan inisiatif.

5.0 TEMPOH PELAKSANAAN PROJEK

Pelaksanaan projek dijangka bermula sebaik sahaja lantikan rasmi diterima sehingga Ogos 2021.

6.0 PINDAAN DAN PEMBATALAN PROJEK

Diatas faktor kepentingan perkhidmatan, MPC berhak untuk meminda dan membatalkan lantikan dan terma rujukan kontrak sekiranya perkhidmatan yang diberikan tidak memenuhi piawaian dan juga di atas sebab-sebab lain yang difikirkan munasabah. Walau bagaimanapun, notis makluman akan diberikan terlebih dahulu sebelum pindaan atau pembatalan lantikan dilakukan.